

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JANUARY 2017

# TN50: DARIPADA RAKYAT KEPADA KEPEMIMPINAN

Pada masa sama, apa yang dilakukan ini bukan bermakna kerajaan mengajak rakyat untuk memikirkan kepada tiga dekad akan datang sahaja sebaliknya masalah-masalah yang masih melingkari akan tetap diatasi menerusi mekanisme yang ada.

**N**EGARA yang tidak bersedia untuk masa hadapan akan gagal. Sebab itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak menunggu lama bagi menyediakan hala tuju negara untuk satu tempoh 30 tahun lagi selepas tempoh 2050.

Menerusi Transformasi Nasional 2050 (TN50), kerajaan menggunakan pendekatan daripada akar umbi kepada kepemimpinan atau *bottom-up* dengan mengajak seluruh rakyat terutama generasi muda untuk menyumbang pendapat bagi menentukan masa depan negara pada 2050.

Bermula dengan Dialog Perdana TN50 Khamis lalu yang menyaksikan 500 generasi muda pelbagai kaum menyumbang buah fikiran masing-masing kepada Perdana Menteri, dialog serupa akan diteruskan di peringkat negeri, daerah dan komuniti.

Antara topik yang menjadi perhatian adalah alam sekitar, pengangkutan awam, kualiti hidup, kemudahan kesihatan, urus tadbir kerajaan dan peluang pekerjaan yang menawarkan pendapatan tinggi.

Sehubungan itu, Kementerian Belia dan Sukan selaku penyelaras kepada wacana TN50 amat mengalu-alukan mana-mana pihak sama ada media, pihak swasta mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menganjurkan sebarang acara yang dapat menjana idea bernas untuk dasar tersebut.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin sendiri dalam pertemuan dengan media di Putrajaya minggu lalu menegaskan kerajaan cukup terbuka kepada sebarang pandangan meriskus yang kritikal asalkan berbentuk konstruktif.

Malah kata Khairy, Perdana Menteri mahukan wacana ini bersifat seinklusif yang mungkin tanpa terhad kepada belia elit di universiti atau bandar besar tetapi juga melibatkan idea-idea generasi muda di kampung dan pedalaman.

Dari awal, Khairy menjelaskan TN50 bukanlah bertujuan memadamkan dasar-dasar sebelum ini sebaliknya menjadi kesinambungan kepada dasar yang telah lalu termasuk Wawasan 2020. Cuma perbezaan ketara, TN50 adalah terjemahan daripada aspirasi rakyat. Bermula dengan wacana dalam kalangan generasi muda, proses ini sama ada secara semuka atau *online* akan berterusan untuk beberapa bulan sebelum dikembangkan kepada kelompok-kelompok lain seperti wanita, NGO dan sebagainya.



Malah, kata Khairy walaupun kementerian menjadi penyelaras, namun TN50 dan wacana ini sendiri bersifat rentas kementerian kerana topik yang disentuh adalah menyeluruh dengan setiap Ketua Setiausaha kementerian telah diberi taklimat mengenainya.

Selepas proses itu, segala pandangan yang dikumpulkan kemudian akan diteliti oleh kumpulan pakar menerusi perbincangan berfokus yang dijangka awal tahun depan bagi melihat kerelevanan dimuktamadkan dalam pelan induk TN50.

"Aspirasi rakyat penting tetapi pakar pun kena teliti setiap cadangan sama ada realistik atau tidak. Contohnya, andai ada cadangan supaya pada 2050 kita tubuhkan agensi angkasa lepas yang akan membina koloni di bulan atau di Marikh, tentunya kita kena ada pakar yang kata sama ada perkara itu realistik untuk negara seperti Malaysia," kata Khairy sambil menambah mungkin akhir tahun hadapan akan ada rumusan dalam bentuk dokumen yang diumumkan Perdana Menteri.

## Membentuk

Jelas apa yang dilakukan kerajaan menerusi wacana ini membuktikan TN50 bukan program politik seperti yang cuba dimomokkan segelintir pihak kerana program ini datang daripada rakyat sendiri.

Secara realitinya kata Khairy, tiada siapa pun tahu kerajaan pada 2050 akan ditunjangi parti mana tetapi kerana dasar ini datangnya daripada rakyat, maka siapa sahaja yang berada di tampuk kuasa harus menjayakan visi ini.

"Apabila proses ini membentuk TN50 ini datang daripada rakyat, maka ia tidak boleh diketepikan. Bagi saya, cara kita melakukannya menunjukkan ini bukan soal politik.

"Lainlah kalau kita cuma memulakan visi dan slogan TN50 tanpa pengisian (daripada rakyat), itu boleh dikatakan sebagai propaganda

**Kalau kita tunggu sehingga 2050 untuk buat perubahan ini, kita akan kerugian. Kita mesti bersedia dari sekarang. Pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan awam mampan dan lain-lain harus bermula sekarang.**

tetapi ini adalah satu proses yang kita dapatkan keterlibatan semua orang dan kita mendapatkan idea mereka," kata Khairy.

Pada masa sama, apa yang dilakukan ini bukan bermakna kerajaan mengajak rakyat untuk memikirkan kepada tiga dekad akan datang sahaja sebaliknya masalah-masalah yang masih melingkari akan tetap diatasi menerusi mekanisme yang ada.

Dalam respons seterusnya kepada pandangan nakal pihak tertentu, tegas Khairy, eksekusi yang dapat memikirkan 30 tahun lagi cukup penting kerana perubahan perlu dirancang agar segala rancangan ekonomi dan dasar lain seperti Rancangan Malaysia dirangka berbandukan kepada mencapai TN50.

"Bukan soal tiba 2050 baru hendak buat perubahan. Kalau kita tunggu sehingga 2050 untuk buat perubahan ini, kita akan kerugian. Kita mesti bersedia dari sekarang. Pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan awam mampan dan lain-lain harus bermula sekarang.

"Begitu juga apakah perancangan kita untuk kawasan luar bandar supaya kita dapat melihat tidak terlalu ramai berhijrah ke kawasan bandar misalnya? Jadi ini semua perbincangan yang

perlu diadakan dan itulah inti pati program TN50," katanya.

Insyaa-Allah, eksekusi istimewa ini bakal menyaksikan keterlibatan 1.5 juta generasi muda dan akan diperluaskan kepada segmen lain seperti wanita, korporat, ahli akademik dan ulama yang mana setiap idea mereka sama ada warga Kuala Lumpur mahupun penduduk di Kinabatangan, Sabah semuanya adalah penting buat kerajaan.

Merekalah juga kata Khairy, yang akan menentukan sasaran untuk Malaysia pada 2050 sama ada mampu berada dalam *ranking* 20 teratas dalam bidang yang realistik.

Khairy turut berkongsi salah satu amanat Perdana Menteri yang mana Najib meminta beliau memikirkan soal peluang pekerjaan pada tahun 2050 kerana kerajaan dan rakyat tidak lagi boleh bercakap soal menjadi doktor kerana itu adalah kerjaya yang dirancang 20 tahun lalu.

"Kata Perdana Menteri, hari ini kita kena fikirkan soal saintis data, pakar *artificial intelligence*, pakar robotik, cukup atau tidak. Oleh itu, TN50 ini adalah proses masa hadapan. Harapan saya, pada tahun 2050 nanti, bila kita rujuk balik ucapan Perdana Menteri (dalam Dialog Perdana TN50 yang pertama), itulah permulaan masa hadapan kita," ujarnya.

Daripada Dialog Perdana TN50 pada 19 Januari lalu yang berlangsung dengan jayanya, jelas anak muda Malaysia apabila diberi peluang mampu menzahirkan idea-idea bernas yang amat diperlukan kepemimpinan bagi menggarap hala tuju negara.

Seperti kata Perdana Menteri, pandangan generasi muda penting kerana mereka mempunyai paradigma tersendiri dalam sesuatu perkara yang mana itu amat penting untuk kerajaan mengambil kira dalam menyediakan masa depan negara sekali gus menjadikan TN50 visi rakyat sendiri.

Benar, tiada siapa mampu meramalkan semua perkembangan kerana setiap yang ada di dunia ini adalah dinamik tetapi kita ada pengetahuan berkenaan beberapa perkembangan yang sudah pun bermula seperti dari segi revolusi industri keempat dan pembangunan teknologi.

Oleh itu, semua penyelesaian untuk 30 tahun akan datang bukan ada pada kerajaan sahaja tetapi ada pada semua pihak, inilah masa kita bersama-sama membina apa yang akan menjadi hala tuju kita.